

Waspada tindak tanduk

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meninggalkan pesanan dan amanatnya kepada rakyat Malaysia supaya berwaspada dengan tindak tanduk kuasa asing yang berazam untuk menukar kerajaan demokratik negara ini, sama seperti dialami oleh beberapa negara lain.

Bercakap secara panjang lebar mengenai 'apa dan siapa itu orang Eropah', Perdana Menteri berkata: "jangan ingat kita tidak akan jadi sasaran mereka".

"Mereka amat kecewa apabila calon mereka dahulu gagal. Mereka akan cuba lagi," tegasnya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Ini adalah ucapan perasmian Perhimpunan Agung UMNO terakhir beliau sebagai presiden parti, setelah mengumumkan akan bersara daripada semua jawatan kerajaan dan politik Oktober ini.

Sambil mengingatkan rakyat, inilah persekitaran luar yang dihadapi sekarang dan yang akan mengancam Malaysia di masa depan, Dr. Mahathir menambah orang Eropah tidak senang hati dengan kejayaan negara ini mengamalkan demokrasi.

"Mereka ingin lihat penukaran kerajaan yang kerap supaya huru hara berlaku dan pembangunan tidak dapat diadakan."

"Apa yang saya katakan di sini semuanya benar. Ia bukan rekaan yang dibuat kerana ingin menakutkan kita, supaya kita mengambil berat terhadap amaran akan bahaya yang dihadapi."

Dituduh

"Slogan mereka sekarang ialah 'regime change' (menukar kerajaan). Kerana ini tidak berlaku dan negara kita terus aman dan maju maka dituduh kita tidak demokratik dan berpeperintahan kuku besi, diktator."

Bagaimanapun, Dr. Mahathir secara lantang menyoalkan siapakah bangsa Eropah ini yang berani menuduh negara ini diperintah secara autoritarian (kuku besi)?

"Bukankah mereka bekas penjajah yang autoritarian dan zalim dan bukannya mereka ini baru sahaja melanggar sebuah negara yang lemah (Iraq) dengan membunuh ramai orang awam supaya dapat menguasai negara berkenaan?"

Demokratikkah cara mereka memaksa regime change? Lihat dahulu

dalam cermin sebelum mengata orang lain. Masalah bangsa Eropah ialah mereka menganugerahkan kepada diri mereka hak menjadi hakim terhadap pandangan mereka sendiri," tegasnya.

Kepimpinan Dr. Mahathir pernah dicabar hebat dalam tahun 1998 berikutan campur tangan kuasa asing untuk menumbangkan beliau dan digantikan dengan pemimpin pilihan mereka.

Dalam masa yang sama kuasa asing itu turut menyalurkan sokongan kepada pihak-pihak tertentu di dalam negara untuk menjatuhkan kerajaan tersebut.

Bagaimanapun cubaan itu gagal setelah kerajaan Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya 1999.

Perlu diingat permainan kuasa asing ini juga memperlihatkan rejim Suharto jatuh pada 1998 atas slogan 'Reformasi' dan diganti sebentar oleh B. J. Habibie. Ia diambil alih oleh Abdurrahman Wahid (Gus Dur) selama setahun. Gus Dur turut jatuh dan negara terbesar penduduk Islam itu diganti dengan Presiden Megawati Sukarnoputri hingga kini.

Menurut Dr. Mahathir teguran orang Eropah kononnya negara ini

kuasa asing — PM

tidak demokratik mungkin mempunyai muslihat tertentu bagi mewajarkan campur tangan mereka dalam urusan negara ini.

Sambil menegaskan beliau berkata, akan ada ramai daripada rakyat negara ini yang akan terpengaruh dengan hasutan mereka dan menentang kuat kerajaan.

Tidak stabil

"Akibatnya ialah negara menjadi tidak stabil, tidak dapat dibangunkan rakyat menderita."

Seperti biasa, Dr. Mahathir berkata, kuasa itu akan mengancam dengan keras tuduhan ini dengan alasan mereka tidak berniat jahat, tiada konspirasi untuk menghalang kemajuan sesiapa.

"Mereka hanya menegur. Tetapi kita jangan lupa kritik mereka walaupun tidak berasas telah dijadikan alasan bagi mereka menekan dan menakluk negara lain."

Dengan memberi contoh asal-usul slogan regime change ini menurutnya, ia diperkenalkan oleh Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon yang mahu Arafat diganti dengan pemimpin yang boleh diterima oleh mereka.

"Hari ini orang Eropah bercakap

tentang pentingnya regime change diadakan di negara-negara tertentu," katanya yang bersyukur sehingga kini Malaysia berjaya mempertahankan kebebasan dan kemerdekaan negara.

"Ini adalah kerana kita berhati-hati dan mampu mengelak daripada terjatuh dalam jerat yang dipasang mereka."

Sambil menjelaskan kepada para perwakilan UMNO mengenai 'Bangsa Eropah Perlu Dikenali' - tajuk kecil dalam bab teks ucapannya, beliau berkata "saya bukan anti bangsa Eropah...tetapi saya anggap pendudukan akan siapa diannya orang Eropah sudah menjadi begitu penting sehingga risiko menjadi mangsa perlu diambil."

Bangsa Eropah ini, yang ditafsirkan Dr. Mahathir sebagai bangsa negara-negara Eropah termasuk yang berhijrah dan mendirikan negara baru di benua Amerika, Australia dan New Zealand, ialah bangsa yang tidak pernah berpuas hati dengan apa yang ada pada mereka melainkan mereka ingin memperbaiki segala-gala supaya menjadi lebih baik, lebih produktif dan berkesan untuk apa juga matlamatnya.

"Kadang-kadang dalam keghairahan mereka untuk memperbaiki keadaan atau barangan yang sedia ada, mereka merosakkan dan mendatangkan hasil yang buruk. Namun mereka tidak serik dan mereka terus cuba memperbaiki segala apa yang ada pada mereka ataupun pada orang lain," katanya dalam ucapan yang dianggap pemerhati sebagai "membuka minda orang Melayu supaya berfikir ke hadapan."

Selain mengenai ancaman regime change itu beliau turut mengingatkan rakyat mengenai satu lagi cabaran daripada Barat iaitu kecenderungan mereka untuk menakluki semua dunia mehlui ekonomi.

"Globalisasi diperkenalkan dan dibentuk oleh negara Barat untuk memudahkan mereka menguasai ekonomi dunia."

Walaupun penaklukan ini pada mulanya tidak secara langsung, hari ini mereka sudah mula mencero boh dan menawan negara-negara tertentu, kononnya untuk Keselamatan mereka, dan untuk mengeksploit kekayaan yang ada pada negara-negara berkenaan.